



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000
Faks: 03-8889 5542
Email: anhisham@moh.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KKM.600-29/4/54 Jld. 2 (2)
Tarikh : 23 Mei 2022

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato' Indera/Datin Paduka/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. 1/2022: PENGURUSAN KES MONKEYPOX DI MALAYSIA

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

1. TUJUAN

- 1.1 Memaklumkan mengenai kesiapsiagaan KKM dalam menghadapi risiko penularan jangkitan monkeypox di Malaysia; dan
- 1.2 Berkongsi protokol pengurusan kes monkeypox dan kontak rapat di Malaysia.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan kes monkeypox melibatkan sekurang-kurangnya 12 buah negara di tiga (3) benua. Jumlah kes yang dilaporkan dari negara-negara ini adalah melebihi 100, termasuk kes disyaki dan disahkan.
- 2.2 Kebanyakan kes yang dijangkiti ini tidak melaporkan sejarah perjalanan ke negara yang diketahui endemik penyakit ini. Sebahagian mereka mempunyai sejarah sentuhan langsung dengan individu yang mempunyai gejala monkeypox.
- 2.3 Monkeypox adalah sejenis penyakit zoonotik. Virus monkeypox ditularkan kepada manusia melalui gigitan atau sentuhan langsung dengan darah binatang atau cecair badan dan luka haiwan yang dijangkiti. Virus ini juga boleh disebarluaskan melalui

titisan pernafasan. Manusia boleh dijangkiti melalui hubungan langsung dengan cecair badan orang yang dijangkiti atau dengan objek yang tercemar virus, seperti cadar dan pakaian. Walau bagaimanapun penularan dalam kalangan manusia adalah terhad.

- 2.4 Jangkitan *monkeypox* dilaporkan endemik di Afrika Tengah dan Barat iaitu Republik Demokratik Congo, Congo, Cameroon, Republik Afrika Tengah, Nigeria, Ivory Coast, Liberia, Sierra Leone, Gabon dan Sudan Selatan.
- 2.5 Risiko penularan jangkitan *monkeypox* di Malaysia adalah rendah tetapi boleh berlaku kerana:
 - i. WHO tidak menyarankan sebarang sekatan perjalanan dan perdagangan dengan negara terbabit;
 - ii. kemasukan pengembara (warganegara dan bukan warganegara) dari negara endemik *monkeypox* dan negara yang melaporkan kes *monkeypox* dalam kalangan manusia; dan
 - iii. pengembara dijangkiti mungkin terlepas daripada surveilan di pintu masuk antarabangsa negara sekiranya mereka berada dalam fasa inkubasi atau tidak membuat rujukan kendiri kepada pihak kesihatan.
- 2.6 Walaupun jangkitan *monkeypox* boleh sembah sendiri tetapi kadar fatalitinya adalah 3.6% ke 10.6% (WHO Fact Sheet 21 Mei 2022). Jangkitan ini juga boleh menyebabkan komplikasi seperti bronkopneumonia, sepsis, encephalitis dan jangkitan kornea.

3. PENGURUSAN KES *MONKEYPOX*

- 3.1 KKM telah menyediakan garis panduan bagi pengurusan kes *monkeypox* di Malaysia. Ia bagi memastikan pengurusan kes dapat dilaksanakan secara optima bagi mengelakkan penularan jangkitan kepada orang lain.
- 3.2 **Notifikasi Kes**
 - 3.2.1 *Monkeypox* tidak termasuk dalam senarai penyakit yang wajib dinotifikasi di bawah Akta Pencegahan dan Kawalan

Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]. Namun, memandangkan terdapat kepentingan pada masa ini, ia hendaklah dinotifikasi sebagai "jangkitan mikrob yang mengancam nyawa" seperti yang disenaraikan di dalam Jadual Pertama Akta 342.

- 3.2.2 Kes yang memenuhi definisi kes disyaki ataupun berkemungkinan (*probable*) monkeypox hendaklah dibuat notifikasi kepada Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran dalam tempoh 24 jam melalui telefon, dan diikuti dengan notifikasi menggunakan Borang Notis atau memasukkan maklumat kes ke dalam Sistem e-Notifikasi.
- 3.2.3 Definisi kes adalah seperti dinyatakan di dalam Garis Panduan yang disertakan di dalam Surat Pekeliling ini.

3.3 Ujian Makmal

- 3.3.1 Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) mempunyai kapasiti untuk menjalankan ujian pengesahanan *orthopox* bagi monkeypox.
- 3.3.2 Sampel diagnostik yang paling baik adalah sapuan cecair daripada vesikel, sapuan lesi atau kuping lesi. Sebaiknya lebih daripada satu (1) sampel diambil daripada seorang pesakit untuk ujian pengesahanan virus ini.
- 3.3.3 Sampel hendaklah disimpan di dalam tiub steril kering (tanpa sebarang media pengangkutan virus) dan dihantar ke makmal pada suhu antara 2°C hingga 8°C. Sampel hendaklah sebaiknya sampai ke makmal dalam tempoh 48 jam daripada masa pengambilannya bagi memastikan hasil (*yield*) ujian yang tinggi.

3.4 Pengurusan Kes

- 3.4.1 Semua kes disyaki, berkemungkinan (*probable*) dan disahkan monkeypox hendaklah dimasukkan ke wad untuk rawatan dan pemerhatian.
- 3.4.2 Polisi ini akan disemak dari semasa ke semasa apabila banyak maklumat diperolehi kelak mengenai pengurusan pesakit monkeypox.

3.5 Siasatan Kes dan Kontak Rapat

- 3.5.1 Siasatan kes hendaklah dijalankan menggunakan Borang Siasatan *Monkeypox* yang disediakan dalam Garis Panduan ini. Ia bagi mengenalpasti punca jangkitan agar tindakan pencegahan dan kawalan dapat segera dilakukan untuk mengekang penularannya.
- 3.5.2 Kontak rapat kepada kes *monkeypox* perlu dikenalpasti dan diarahkan menjalani pengawasan dan pemerhatian di tempat kediaman selama 21 hari daripada tarikh terakhir pendedahan kepada kes. Ia bagi memantau gejala *monkeypox* serta mengelakkan pendedahan atau kontak dengan individu lain.
- 3.5.3 Pada masa ini, tiada ujian khusus bagi mengetahui status jangkitan pada kontak rapat.

3.6 Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit (IPC)

- 3.6.1. Langkah-langkah pencegahan dan kawalan penyakit berjangkit hendaklah sentiasa dipatuhi semasa mengendalikan kes *monkeypox* bagi mengelakkan petugas kesihatan daripada dijangkiti.

3.7 Pemantauan *Monkeypox* di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) Negara

- 3.7.1 Petugas kesihatan di pintu masuk antarabangsa (PMA) negara hendaklah bekerjasama dengan agensi lain dalam pengesanan kes *monkeypox* dalam kalangan pengembara bagi mengelakkan penularan jangkitan dalam negara.
- 3.7.2 Sekiranya terdapat pengembara yang dikesan mempunyai tanda-tanda ruam makulapapular *monkeypox* yang jelas di muka atau tangan, individu tersebut hendaklah segera dirujuk kepada petugas kesihatan untuk pemeriksaan lanjut. Jika pengembara disyaki *monkeypox*, maka dia hendaklah dirujuk ke hospital untuk rawatan lanjut.

3.8 Pendidikan Kesihatan

- 3.8.1 Pendidikan kesihatan kepada komuniti perlu dilaksanakan secara menyeluruh dan bersasar, bergantung kepada penemuan-penemuan semasa jangkitan *monkeypox* ini.
- 3.8.2 Pengembara yang hendak ke luar negara terutama negara endemik *monkeypox* dan negara yang melaporkan kes dalam kalangan manusia dinasihatkan untuk:
 - i. sentiasa mengamalkan kebersihan diri termasuk membasuh tangan dengan betul menggunakan sabun dan air. Gunakan *hand sanitizer* berasaskan alkohol apabila air dan sabun tidak tersedia.
 - ii. mengelakkan diri daripada bersentuhan dengan haiwan (tikus, marsupial, primat) yang sakit atau mati dan berpotensi membawa virus orthopox.
 - iii. tidak memakan atau mengendalikan daging haiwan liar.
 - iv. melaporkan kepada pengamal perubatan sekiranya mengalami gejala dan tanda jangkitan cacar monyet semasa dalam perjalanan atau apabila pulang ke tanah air.

4. DOKUMEN RUJUKAN

- 4.1 Dokumen rujukan bagi pengurusan kes *monkeypox* adalah "*Interim Guidelines on Monkeypox Management in Malaysia, No. 1/2022 (updated on 22 May 2022)*" seperti dilampirkan.
- 4.2 Kandungan garis panduan ini akan disemak dan dikemaskini dari semasa ke semasa, berdasarkan penemuan-penemuan epidemiologi dan saintifik yang baharu berkaitan pencegahan dan kawalan *monkeypox*.

5. TARIKH KUATKUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai daripada tarikh surat ini. Dasar dalam Surat Pekeliling ini hendaklah diteruskan pelaksanaannya sehingga dimaklumkan kelak.

6. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini boleh dikemukakan kepada pegawai yang bertanggungjawab:

Pengarah
Bahagian Kawalan Penyakit
Aras 3, Blok E10, Kompleks E, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 WP Putrajaya
No. Telefon: 03-8883 4412 / 4510 / 4588
No. Faks: 03-8881 0400
E-mel: zoonosis@moh.gov.my

7. PENUTUP


YBhg. Datuk / Dato' Indera / Datin Paduka / Dato' / Datin / Tuan / Puan adalah dipohon untuk memaklumkan mengenai arahan ini kepada para pegawai yang berkaitan di bawah tanggungjawab masing-masing. Komitmen semua pihak dalam mencegah dan mengawal penularan jangkitan monkeypox adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

" WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030 "

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menjalankan amanah,


(TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH)

s.k.

Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

Pengarah Kanan
Bahagian Perkhidmatan Farmasi

Pengarah
Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, KKM

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Awam, KKM

Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan

Setiausaha Bahagian
Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa

Setiausaha Sulit Kanan Kepada Menteri Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Setiausaha Sulit Kanan Kepada Timbalan Menteri Kesihatan 1
Kementerian Kesihatan Malaysia

Setiausaha Sulit Kanan Kepada Timbalan Menteri Kesihatan 2
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN

A. EDARAN DALAMAN

Pengarah
Hospital Kuala Lumpur

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri N. Sembilan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya

Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan

Pengarah
Institut Penyelidikan Perubatan

Pengarah
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan

B. EDARAN LUARAN

Ketua Pengarah
Kementerian Pendidikan Malaysia

Ketua Pengarah
Kementerian Pengajian Tinggi

Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan
Kementerian Pertahanan Malaysia

Setiausaha Kehormat
Persatuan Perubatan Malaysia
(*Malaysian Medical Association*; MMA)

Presiden
Medical Practitioners Coalition Association of Malaysia (MPCAM)

Presiden
Persatuan Doktor-Doktor Islam Malaysia (PERDIM)

Presiden
Federation of Private Medical Practitioners' Association of Malaysia
(FPMPAM)

Presiden
Association of Private Hospitals of Malaysia (APHM)